

23/12/2003

Orang tua dan relik sejarah negara

Mohd Azlan Jaafar

JUMAAT lalu, Persatuan Pegawai Pentadbiran dan Diplomatik (PPTD) mengadakan majlis makan malam tahunannya di Marriot Putrajaya. Acara yang menghimpunkan golongan elit dalam perkhidmatan kerajaan tentunya meriah.

Majlis dengan etika berpakaian 'black tie' menyaksikan hadirin tiba dengan tuxedo, jaket dan 'bow tie'. Beberapa wartawan yang membuat liputan berasakan mereka 'underdress' walaupun apa yang dipakai lebih sempurna berbanding apa yang dipakai remaja yang memenuhi pintu keluar ke taman Kuala Lumpur City Center (KLCC).

Ia malam yang istimewa kerana Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pertama kali menjadi tetamu khas PTD dalam majlis berkenaan dalam kapasiti sebagai pemimpin kerajaan dan kehadiran Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai bekas Perdana Menteri.

Perhatian tertumpu kepada ucapan Abdullah yang dianggap keluarga dekat PTD kerana beliau adalah salah seorang daripada mereka satu masa dulu.

Ketika perhatian tertumpu kepada tetamu utama, duduk di meja seorang tua yang menimbulkan kecurigaan di kalangan wartawan. Beliau hampir tidak dapat mengangkat kepala. Mungkin usia mula mengekang pergerakannya. Bagaimanapun, beliau tetap segar, terurus dan berpakaian kemas termasuk dengan 'bow tie'. Tan Sri Sheikh Hussein Sheikh Mohamed, 82, pasti jemputan paling tua pada majlis itu. Yang kedua paling tua mungkin Dr Mahathir pada usia 78 tahun.

Tetapi pada usia berkenaan, Sheikh Hussein yang bersara sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran (KSU) (sekarang Kementerian Pendidikan) pada 1974, menggunakan keringat dan tenaga yang ada untuk hadir.

Bukan saja beliau sudah lanjut usia tetapi sebelah matanya hampir tidak dapat melihat disebabkan glukoma. Ini menyukarkan beliau melihat benda di hadapan termasuk memegang sudu. Rakan wartawan membantunya memasukkan sudu bagi membolehkannya merasai sup malam itu.

Tetapi pendengaran, ingatan, percakapan serta 'conviction' dalam diri orang tua itu jelas terpancar. Daya ingatan dan kesanggupan ditunjukkan beliau pada usia itu dengan mudah memalukan sesetengah individu yang tidak pun mencapai separuh usianya.

Ketika Abdullah berucap, beliau mendengar dengan teliti dan menepuk tangan serta mengangguk kepala tanda bersetuju mengenai apa yang dikatakan Perdana Menteri. Ada yang memilih menutupkan mata walaupun waktu tidur belum tiba.

Apa yang menarik, orang tua yang hampir tidak dikenali sebahagian besar hadirin, sudah berkhidmat dalam era empat Perdana Menteri - Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Dr Mahathir. Katanya, semua PM lalu baik dan sedia serta mudah berbincang.

Selepas bersara sebagai KSU, beliau dilantik pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP), jawatan yang disandang selama 12 tahun. Beliau ramah dan menceritakan sedikit pengalamannya ketika menjadi salah seorang PTD dalam kerajaan.

Bila ditanya walaupun sudah lanjut usia, apa yang mendorong beliau untuk datang, Sheikh Hussein berkata: "Memang dah tak daya tetapi nak datang juga... nak jumpa kenalan lama. Saya tak tahu mereka akan datang. Saya cuma harap mereka ada."

Kepada sesetengah orang, Sheikh Hussein adalah antara ramai 'orang tua' yang sudah terlepas zaman kegemilangan mereka. Sheikh Hussein seperti ramai yang lain adalah relik sejarah.

Tetapi relik sejarah seperti beliaulah yang memainkan peranan dalam membentuk negara ini. Sheikh Hussein sendiri adalah sebahagian sejarah. Pengalaman dan ilmunya adalah sejarah sangat berharga.

Ramai lagi yang menyumbang kepada Malaysia yang wujud hari ini.

Sesetengah mereka tidak pun berpeluang ke sekolah elit atau lahir dalam keadaan berada. Ada yang hanya keluar dari ladang getah atau kawasan sawah tetapi mencoret apa yang dilihat Malaysia hari ini.

Agak sedih kerana beberapa antara kami terpaksa meninggalkan Sheik Hussein lebih awal kerana kewajipan menghantar berita atau terpaksa berhadapan jeritan editor kerana lambat menyiapkan laporan.

Sebelum beredar, kami bersalaman dan daripada balasan salamannya yang akrab serta keramahannya, beliau dengan mudah menyentuh hati kami sebagai antara hero sebenar yang hadir pada majlis makan malam itu.